

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERTUNJUKAN FESYEN ANJURAN PERSATUAN PEMELIHARAAN DAN
PENYARAAN KANAK-KANAK MALAYSIA
Lokasi : HOTEL SHANGRILA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 19-10-1986

Yang Berbahagia Presiden Persatuan Pemeliharaan dan Penyaraan Kanak-Kanak Malaysia;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya berasa sukacita kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di Majlis Pertunjukan Fesyen yang dianjurkan oleh Persatuan Pemeliharaan dan Penyaraan Kanak-Kanak Malaysia untuk mengisi tabung bakti mereka.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pertunjukan Fesyen Persatuan Pemeliharaan dan Penyaraan Kanak-Kanak Malaysia yang telah sudi menjemput saya ke Majlis ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Persatuan Pemeliharaan dan Penyaraan Kanak-Kanak Malaysia telah banyak berkhidmat kepada masyarakat yang kurang bernasib baik di negara kita. Pada tahun lalu, BAKTI telah memberi sedikit sumbangan kepada Persatuan ini untuk membantu mereka.

3. Persatuan ini telah wujud semenjak tahun 1970 apabila segolongan doktor dan kakitangan Hospital Universiti telah memerhatikan penderitaan setengah ibu-ibu yang datang ke hospital itu untuk mendapatkan rawatan. Akibat daripada penyakit mereka, ataupun suami mereka, anak-anak mereka itu menghadapi kerumitan yang amat besar. Ada juga ibu-ibu yang enggan masuk ke hospital untuk mendapat rawatan kerana tidak ada orang untuk menjaga suami yang juga sedang sakit ataupun anak-anak yang kecil atau masih di bangku sekolah.

Kadangkala anak-anak mereka itu terpaksa berhenti sekolah semata-mata untuk menjaga adik-adik mereka.

4. Jelaslah, dalam keadaan ini, bahawa apa yang perlu ialah penjagaan anak-anak itu sementara ibu itu pulih keadaannya. Wujudnya Persatuan ini, dengan bantuan daripada Kelab APEX Petaling Jaya, membuktikan semangat cinta kepada masyarakat dan kejiwaan yang baik. Usaha Persatuan ini untuk mencari keluarga-keluarga angkat untuk memelihara anak-anak dalam keadaan ini, ataupun membantu dengan kewangan, secara langsung telah dapat menyelamatkan ramai keluarga dan anak-anak yang kurang bernasib baik.

5. Pada masa ini, saya difahamkan bahawa Persatuan Pemeliharaan dan Penyaraan Kanak-Kanak Malaysia sedang memberi bantuan seperti ini kepada keluarga-keluarga yang ibu atau bapanya tidak mampu menyara atau menjaga anak-anak mereka, dalam keadaan di mana ibu atau bapa jatuh sakit, atau telah dimasukkan ke Pusat Pemulihan Dadah atau penjara, ataupun yang telah meninggal dunia. Bantuan serupa ini seboleh-bolehnya untuk satu tempoh yang tertentu sahaja, tertakluk kepada keadaan keluarga. Apa yang lebih istimewa adalah usaha Persatuan ini mendapatkan keluarga-keluarga angkat, baik daripada saudara-mara atau orang lain untuk anak-anak itu. Anak-anak yang ditempatkan di dalam penjagaan keluarga-keluarga ini, akan menikmati penjagaan yang penuh mesra dan kasih sayang -- bukan seperti biasa di rumah anak-anak yatim dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Pada masa ini, sebanyak \$3,200.00 dibelanjakan untuk tujuan ini setiap bulan -- satu jumlah yang kecil sahaja yang dalam kemampuan Persatuan pada masa ini. Jadi, saya ingin menyeru kepada orang ramai

supaya membantu Persatuan ini dengan sumbangan derma dan tenaga untuk membolehkan Persatuan ini menerus dan memperluaskan kegiatan mereka.

Adalah baik jika lebih ramai lagi di antara kita dapat menjadi ahli biasa dalam Persatuan ini dengan pembayaran yuran tahunan sebanyak \$10.00 sahaja. Apa-apa bantuan, walaupun sedikit, akan membantu Persatuan ini membawa kebahagiaan kepada lebih ramai anak-anak yang berada dalam keadaan yang malang. Bantuan yang diberikan bukan sahaja dapat memberi nafkah hidup kepada anak-anak itu, tetapi juga dapat memberi harapan masa depan untuk golongan yang miskin, menderita dan yang kurang bernasib baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Sesuatu masyarakat hanya dapat disifatkan sebagai maju atau adil, jika mereka yang kurang bernasib baik dapat dibantu oleh masyarakat mereka sendiri. Perasaan yang mesra dan cinta kepada golongan ini adalah satu perkara yang mulia. Membantu orang-orang miskin dan yang menderita diutamakan oleh semua agama. Nilai-nilai seperti ini haruslah diutamakan oleh kita semua demi membina sebuah negara yang adil dan saksama.

8. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menderma dan menghadiri Majlis Pertunjukan Fesyen ini dan saya berharap semoga Tuhan memberkati usaha baik tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terima kasih.